



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu



**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM₂₀₂₀**

MPP3

**TASAWWUR ISLAM
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Jelaskan pengertian wahyu. (2 Markah)
 (ii) Terangkan dua kelebihan wahyu berbanding akal. (4 Markah)
- (b) (i) Nyatakan maksud fitrah beragama. (2 Markah)
 (ii) Jelaskan dua ciri orang yang beragama. (4 Markah)
- (c)

Mangsa pemandu mabuk, 2010-2018

Tahun	Jumlah Mangsa			Jumlah
	Maut	Parah	Cedera	
2010	49	3	31	110
2011	33	23	35	91
2012	136	50	60	246
2013	207	47	73	327
2014	193	56	84	333
2015	229	95	96	420
2016	237	113	111	461
2017	58	81	73	212
2018	54	74	63	191

Sumber : Portal selangorkini.my

- (i) Senaraikan dua tahun tertinggi kemalangan maut. (2 Markah)
 (ii) Senaraikan dua tahun jumlah mangsa terendah keseluruhan. (2 Markah)
 (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah Islam dapat mengatasi masalah kejadian tersebut. (4 Markah)
- 2 (a) (i) Nyatakan maksud Syumuliyah. (2 markah)
 (ii) Jelaskan dua prinsip Syumuliyah. (4 markah)
 (iii) Terangkan dua bukti yang menunjukkan Islam bersifat Syumuliyah dalam bidang perundangan. (4 markah)
- (b) (i) Terangkan dua prinsip 'Alamiyyah. (4 markah)
 (ii) Senaraikan dua hak asasi manusia selain kebebasan bersuara yang dijamin oleh Islam di bawah Prinsip 'Alamiyyah. (2 markah)
- (c) *Islam memberikan murunah dalam beribadat kerana mengambil kira sesuatu keadaan yang dihadapi oleh manusia.* (4 markah)
 Bincangkan kesan jika tiada konsep murunah dalam Islam.

- 3 (a) (i) Senaraikan empat ciri negara Islam (4 Markah)
- (ii) *Rakyat mempunyai tanggungjawab dan peranan yang sama penting dengan pemerintah dalam sesebuah negara.* (4 Markah)
- Terangkan dua tanggungjawab rakyat kepada pemimpin negaranya.
- (b) (i) Huraikan dua peranan hakim dalam menjamin keamanan dalam masyarakat majmuk. (4 Markah)
- (ii) (4 Markah)
- “ Dan apabila kamu menghukum sesama manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil ”***
- (Maksud Surah An-Nisa: ayat 58)
- Mengapakah Allah SWT memerintahkan manusia agar berbuat demikian.
- (c) Jelaskan dua syarat amalan harian diterima sebagai ibadat di sisi Allah (4 Markah)
- 4 (a) (i) Berikan maksud mencerobohi harta. (2 markah)
- (ii) Senaraikan dua bentuk pencerobohan harta menurut Islam. (2 markah)
- (b) (i) Terangkan dua sebab generasi masa kini lebih berminat untuk bekerja makan gaji berbanding dengan bekerja sendiri. (4 markah)
- (ii) Jelaskan dua ciri pekerjaan yang digalakkan oleh Islam. (4 markah)
- (c) (i) Terangkan dua bentuk muamalah yang tidak sah menurut Islam. (4 markah)
- (ii) *Encik Zaki membeli sebuah kereta berharga RM146,000.00 dengan membayarnya secara ansuran selama 9 tahun melalui pembiayaan perbankan Islam.* (4 markah)
- Nyatakan jenis muamalah tersebut, pada pendapat anda mengapakah jenis muamalah tersebut menjadi pilihan Encik Zaki?

- 5 (a) Jelaskan **dua** ciri keunggulan perundangan Islam berbanding dengan perundangan yang lain. (4 markah)
- (b) Antara matlamat perundangan Islam ialah memelihara nyawa. (4 markah)
Huraikan **dua** peraturan untuk memelihara nyawa anugerah Allah SWT kepada manusia.
- (c) *Makruh ialah perkara yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan. Jika ditinggalkan akan mendapat pahala dan jika dilakukan tidak mendapat dosa.*
- (i) Senaraikan **dua** contoh dari pernyataan di atas (2 markah)
- (ii) Kemukakan alasan mengapakah perbuatan makruh tidak digalakkan dilakukan dalam Islam. (4 markah)
- (d) Nyatakan pengertian perkahwinan menurut syarak (2 markah)
- (e) *Ahmad telah ditahan kerana cuba menghulurkan sejumlah wang kepada penguatkuasa untuk mengelakkan dirinya dikenakan tindakan undang-undang.* (4 markah)
Berdasarkan situasi di atas, namakan jenis kesalahan yang menyebabkan Ahmad ditahan dan jenis hukum jenayah Islam yang perlu dikenakan terhadap Ahmad.

- 6 (a) (i) Senaraikan **empat** langkah penyelesaian masalah menurut Islam. (4 markah)
- (ii) Terangkan **dua** kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah perpaduan ummah menurut Islam. (4 markah)
- (b) *Islam sentiasa menggalakkan umatnya supaya berusaha untuk memantapkan ekonomi*
- (i) Jelaskan **dua** kelebihan umat Islam yang memiliki kemantapan ekonomi. (4 markah)
- (ii) Terangkan **dua** cara yang dapat dilakukan untuk membantu memantapkan ekonomi keluarga (4 markah)
- (c)



Pada pandangan anda, mengapakah perkara tersebut masih berlaku. (4 markah)

- 7 (a) *Pengabaian ibadat fardhu menjadi punca kepada kegagalan untuk melahirkan umat Islam yang memiliki jati diri.*
- (i) Nyatakan **dua** punca umat Islam mengabaikan ibadat fardhu. (4 markah)
 - (ii) Terangkan **dua** kesan pengabaian tersebut terhadap keluarga. (4 markah)
- (b) *Kewujudan pengaruh asing yang merosakkan pemikiran generasi muda Islam harus diatasi segera.*
- (i) Nyatakan **empat** pengaruh asing yang merosakkan pemikiran remaja Islam. (4 markah)
 - (ii) Terangkan **dua** langkah yang sewajarnya diambil oleh kerajaan bagi membendung perkara tersebut. (4 markah)
- (c) *Sejak kebelakangan ini kecemerlangan pendidikan dalam kalangan pelajar Islam agak merosot jika dibandingkan dengan pelajar bangsa-bangsa lain. Kecemerlangan pendidikan sangat penting bagi melahirkan umat yang berilmu dan maju dalam semua perkara.* (4 markah)

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencapai kecemerlangan dalam pelajaran yang menjadi kebanggaan kepada pelajar-pelajar yang lain.